

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 3/2004**

=====

**DASAR PIHAK BERKUASA NEGERI BERHUBUNG SYARAT DAN PROSEDUR  
PERMOHONAN PERMIT BAHAN BATUAN (BORANG 4B DAN 4C) BAGI PASIR DI  
ATAS TANAH KERAJAAN DAN TANAH HAKMILIK**

-----

**1. TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah **dasar Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan permohonan permit bahan batuan (Borang 4B dan Borang 4C). Pekeliling ini juga memberi panduan dan menjelaskan peraturan-peraturan berkaitan yang perlu dipatuhi oleh Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah bagi pengeluaran, pengalihan atau pengangkutan pasir atas tanah kerajaan dan tanah bermilik.**

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Berikutan isu pengeluaran, pengalihan dan pengangkutan bahan batuan iaitu pasir secara haram, Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Pembangunan Tanah bertarikh 18 Februari 2004 di Pejabat Tanah Daerah Hulu Selangor telah mengarahkan Pengarah Tanah dan Galian Selangor untuk mengkaji dan menyeragamkan semula proses permohonan permit pengeluaran bahan batuan melalui Borang 4B dan 4C.
- 2.2 Berdasarkan kajian ini, beberapa pindaan dan penambahbaikan ke atas prosedur dan tatacara permohonan telah dirangka untuk digunapakai bagi membantu Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah meningkatkan lagi kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.

**3. DASAR PIHAK BERKUASA NEGERI BERHUBUNG PERMOHONAN PERMIT BAHAN BATUAN (BORANG 4B DAN BORANG 4C)**

**3.1 Permit Bahan Batuan Bagi Pasir Di Atas Tanah Kerajaan**

- 3.1.1 Permohonan permit bahan batuan bagi pasir di atas tanah kerajaan adalah dibekukan **kecuali** permohonan permit bahan batuan bagi pasir sungai dan laut.

3.1.2 Permohonan permit bahan batuan untuk **PASIR SUNGAI** dan **PASIR LAUT** di atas **tanah kerajaan** hendaklah diangkat ke pertimbangan **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah** untuk kelulusan.

### **3.2 Permit Bahan Batuan Untuk Pasir Di Atas Tanah Kerajaan**

3.2.1 Semua permohonan permit bahan batuan untuk pasir di atas **TANAH BERIMILIK** adalah di bawah **kuasa pertimbangan Pentadbir Tanah Daerah**.

3.2.2 **PERMOHONAN BERMASALAH** di atas **TANAH BERIMILIK** hendaklah diangkat untuk pertimbangan **Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah**

3.2.3 **Definisi permohonan bermasalah** adalah seperti berikut:

- i) **Permohonan pengeluaran pasir di atas tanah pajakan lombong:**
  - a) **Borang 4C** iaitu pengeluaran dan pengalihan bahan batuan sahaja.
  - b) **Borang 4B** iaitu pemprosesan, pengeluaran dan pengalihan bahan batuan.
- ii) **Permohonan permit pasir (Borang 4C)** dari anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor atau atas tanah bermilik anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor. Ini adalah untuk memastikan kepentingan Pihak Berkuasa Negeri terjamin dan terpelihara.
- iii) **Tanah-tanah yang melibatkan aduan dan rasa tidak puas hati pengusaha-pengusaha dan penduduk setempat.**

### **3.3 Permit Bahan Batuan Selain Dari Pasir Di Atas Tanah Kerajaan Dan Tanah Bermilik**

3.3.1 **Permit bahan batuan selain dari pasir di atas tanah kerajaan dan tanah bermilik** adalah masih di bawah **kuasa pertimbangan Pentadbir Tanah Daerah** sebagaimana dilaksanakan sebelum ini.

## **4. PROSES DAN TATACARA PERMOHONAN PERMIT BAHAN BATUAN DI ATAS TANAH KERAJAAN**

4.1 **Tatacara permohonan permit bahan batuan untuk permit bahan batuan di atas tanah kerajaan bagi pasir sungai dan laut** adalah seperti berikut:

- i) **Penyediaan Kertas Ringkasan** oleh **Pejabat Tanah Daerah** dan seterusnya dihantar ke **PTG** untuk tindakan.
- ii) **Kertas Ringkasan Jawatankuasa Pembangunan Tanah** diangkat ke **Jawatankuasa Teknikal Permit Bahan Batuan** untuk **ulasan** dan **syor**.
- iii) Kertas Ringkasan seterusnya diangkat untuk pertimbangan **Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah (Pasir)** untuk **kelulusan**.
- iv) **PTG Selangor** sebagai **urusetia** bertanggungjawab menyediakan **agenda dan minit mesyuarat** kepada **Jawatankuasa Teknikal Permit Bahan Batuan dan Jawatankuasa Tetap dan Pembangunan Tanah (Pasir)**.

## 5. **KAEDAH PENGIRAAN ROYALTI PERMIT BAHAN BATUAN**

### 5.1 **Pasir Sungai Dan Pasir Laut**

- 5.1.2 Pengiraan royalti adalah berdasarkan **Anggaran** atau **'Estimation'** oleh **Pentadbir Tanah Daerah**. Kaedah pengiraannya adalah seperti berikut:

#### **Kaedah Pengiraan Royalti:**

**Kadar pengeluaran lori / barge oleh pengusaha sehari**

**x 30 hari (1 bulan)**

**x kapasiti lori / barge (m3) digunakan pengusaha**

**x royalti pasir per m3**

**= Bayaran 'Lump Sump' Bulanan Royalti Permit Pasir**

Pengiraan **1 bulan** adalah bersamaan dengan **30 hari** tanpa mengira cuti am, cuti minggu pertama dan ketiga dan cuti perayaan.

Oleh itu, Pentadbir Tanah Daerah hendaklah bersikap proaktif dalam membuat penilaian yang baik dalam menanggarkan keupayaan pengeluaran oleh pengusaha permit pasir.

- 5.1.3 Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengutip **'Royalti Tambahan'** bagi **kes pengeluaran, pengalihan dan pengangkutan bahan batuan secara haram oleh pengusaha sebelum permit dikeluarkan**. Ini adalah sebagai **bayaran ganti rugi** kepada Kerajaan Negeri terhadap kerugian kutipan hasil.

## 5.2 Pasir Lombong

Untuk pengiraan **royalti pasir lombong (tanah bermilik)**, kutipan royalti dikira secara anggaran berdasarkan **unjuran anggaran yang dibuat oleh Jurukur Berlesen berdasarkan pelan keratan rentas dan topografi yang disediakan.**

5.3 Pengusaha pasir dikehendaki memohon **pembaharuan permit 3 bulan** dari **tarikh akhir permit berkuatkuasa.**

## 6. PANEL JURUKUR BERLESEN PTGS

6.1 **Panel Jurukur Berlesen PTGS** bertanggungjawab membuat pengukuran kuantiti pasir bagi **setiap permohonan PERMIT BAHAN BATU ATAS TANAH BERMILIK** terutamanya bagi pasir lombong.

6.2 **Panel Jurukur Berlesen PTGS** hendaklah **berdaftar** dengan **Pejabat Tanah dan Galian Selangor** dan **mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh PTGS** bagi melaksanakankerja-kerja ukur yang diamanahkan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Syarat-syarat permohonan Jurukur Panel PTGS akan ditentukan secara pentadbiran dengan kerjasama daripada **JUPEM, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Mineral dan Geosains.**

6.3 **PTGS** boleh melantik dan memberhentikan sesuatu jurukur berlesen pada bila-bila masa dalam memastikan kepentingan Pihak Berkuasa Negeri terjamin dan terpelihara.

6.4 **Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah** akan disediakan **senarai Panel Jurukur Berlesen PTG** bagi kerja-kerja pengukuran.

## 7. YURAN KERJA PANEL JURUKUR

7.1 **Pembayaran yuran kerja PANEL JURUKUR BERLESEN PTGS** adalah berdasarkan **harga seragam** atau **'standard' harga** yang telah ditetapkan oleh **Kementerian Kewangan bagi Kerja-Kerja Kejuruteraan.** **PTGS** akan hanya memilih dan membenarkan **PANEL JURUKUR BERLESEN PTGS** yang bersetuju dengan sebut harga yang telah ditetapkan.

7.2 Pembayaran yuran kerja ukur hendaklah dibuat terus oleh pemohon kepada **PANEL JURUKUR BERLESEN PTGS** salinan resit pembayaran hendaklah dihantar kepada Pejabat Tanah Daerah sebagai rujukan dan difailkan dalam fail permohonan.

- 7.3 Bagi **permohonan bertindih**, hanya **pemohon pertama** dikehendaki **membayar terus** kepada **PANEL JURUKUR BERLESEN PTGS** manakala pemohon-pemohon seterusnya dikehendaki membayar terus kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Daerah masing-masing sebagai bayaran kerja ukur pada **harga sama** pembayaran yang telah dibuat oleh pemohon pertama.
- 7.4 Salinan resit pembayaran hendaklah difailkan dalam fail permohonan sebagai bukti pembayaran.

## 8. **DEPOSIT PERMIT BAHAN BATUAN**

8.1 Kadar deposit bagi permit bahan batuan adalah seperti berikut:

- i) **Permit pasir laut = RM100,00.00**
- ii) **Permit pasir sungai = RM20,000.00**
- iii) a) **Tanah milik bawah 5 ekar = RM5,000.00**  
b) **Tanah milik 5 ekar dan ke atas = RM20,000.00**

8.2 Deposit hendaklah **dijelaskan kepada Pentadbir Tanah Daerah** yang berkenaan dan pembayaran deposit ini adalah **MANDATORI** bagi setiap permohonan yang telah diluluskan selesai tarikh pekeliling ini berkuatkuasa. **Kadar baru deposit ini adalah selaras dengan arahan YAB. Dato' Menteri Besar Selangor di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah pada 6 Julai 2004.**

## 9. **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR BAGI PENGELUARAN DAN PENGALIHAN PASIR SUNGAI**

9.1 Syarat-syarat tambahan Jabatan Pengiriran dan Saliran juga perlu dipatuhi dalam urusan pengeluaran dan pengalihan pasir sungai dan syarat-syarat tambahan berkenaan adalah seperti dinyatakan di **LAMPIRAN A.**

## 10. **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR BAGI PENGELUARAN DAN PENGALIHAN PASIR LAUT**

10.1 **Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA)** ini **wajib** disediakan oleh setiap pemohon untuk **permohonan permit bahan batuan bagi pasir laut** bagi mengira keluasan tapak permohonan. Penyediaan laporan EIA ini dapat membantu Jabatan Alam Sekitar dalam memberikan ulasan dan pandangan terhadap permohonan tersebut.

## **11. PELEKAT KENDERAAN PENGUSAHA PERMIT**

- 11.1 Pelekat kenderaan ini bertujuan memastikan hanya kenderaan yang didaftarkan oleh pengusaha permit dengan Pejabat Tanah Daerah sahaja dibenarkan melakukan operasi pengeluaran, pengalihan dan pengangkutan bahan batuan. Pengusaha permit perlu membeli pelekat kenderaan ini di Pejabat Tanah Daerah permit diluluskan.
- 11.2 Pelekat kenderaan ini berkuatkuasa selama tempoh satu tahun kalendar atau tarikh akhir permit berkuatkuasa jika permit dikeluarkan kurang dari tempoh satu tahun kalendar.
- 11.3 **Pelekat kenderaan yang berciri-ciri keselamatan atau 'security features' ini akan tertera butir-butir seperti berikut:**
- i) Nama pengusaha permit**
  - ii) Nombor permit**
  - iii) Nombor kenderaan**
  - iv) Nombor siri kawalan pelekat kenderaan**
- 11.4 Pengeluaran pelekat kenderaan ini akan dikawal oleh PTGS bagi kegunaan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah.
- 11.5 Kegagalan mempamer pelekat kenderaan yang laku dan sah oleh pengusaha permit boleh dikenakan tindakan kompaun atau rampasan oleh Pentadbir Tanah. Pelaksanaan pelekat ini hanya berkuatkuasa pada pengusaha permit bahan batuan dan tidak tertakluk kepada pembeli pasir secara runcit.
- 11.6 Pelaksanaan pelekat kenderaan ini akan diselaraskan dengan pengeluaran kupon sebagaimana yang dilaksanakan sebelum ini. Oleh itu Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki menyelaraskan pengeluaran kupon permit bahan batuan bersama pelaksanaan pelekat kenderaan di peringkat Pejabat Tanah Daerah.

## **12. PEKELILING INI BERKUATKUASA DARI TARIKH PEKELILING DIKELUARKAN**


T.T  
**(ZOAL AZHA BIN YUSOF)**  
Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 17 OGOS 200

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR BAGI PENGELUARAN DAN PENGALIHAN PASIR SUNGAI**

**1. Sebelum meluluskan permohonan perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian :**

- a) lokasi pengkalan pasir
- b) cara pengeluaran pasir
- c) cara “stockfile” pasir
- d) perlindungan terhadap keadaan dan persekitaran sungai
- e) dokumen permohonan yang diperlukan



## **2. SYARAT-SYARAT PENTADBIRAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**

- 2.1. Permohonan untuk mendapatkan permit pengeluaran pasir perlu dikemukakan kepada Pejabat Tanah Daerah berkenaan. Permohonan kemudian dirujuk kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor untuk ulasan teknikal sebelum mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri;
- 2.2. **Papan kenyataan** bersaiz 1.5 m x 2.0 m menunjukkan dengan jelas butir-butir mengenai projek pengorekan dan pengeluaran dan pasir seperti nama, alamat, no. telefon, no. rujukan surat kebenaran / permit dan tempoh sah-laku hendaklah didirikan di tapak di mana pasir dikeluarkan;
- 2.3. **Papan tanda** bersaiz 0.5 m x 1.0 m yang menandakan sempadan kawasan pasir yang telah diluluskan hendaklah jelas kelihatan didirikan di hulu dan di hilir tebing sungai di mana aktiviti pengorekan dan pengeluaran pasir akan / sedang dijalankan;
- 2.4. **Wang pertaruhan** (deposit) sebanyak **RM20,000** setiap permohonan dikenakan kepada pengusaha di mana ia akan dikembalikan setelah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor menerima surat pengesahan daripada pemungut hasil tanah yang tempoh permit telah tamat dan juga surat perakuan dari Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah bahawa keadaan sungai dan sekitar kawasan telah terpelihara dan sebarang kerosakan (jika ada) telah dibaiki oleh pengusahai dengan sempurna dan memuaskan;
- 2.5. Sekiranya Pentadbir Tanah Daerah mendapati perlu untuk menjalankan kerja-kerja selenggaraan atau kerja-kerja pembangunan di kawasan pasir dikeluarkan, Pentadbir Tanah Daerah berhak menarik balik permit yang diluluskan dengan serta merta;
- 2.6. Permit yang dikeluarkan dihadkan tempoh sahnyanya tidak melebihi 1 tahun kalendar sahaja dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor perlu dirujuk terlebih dahulu sekiranya permit perlu diperbaharui;



- 2.7. Apabila tempoh permit telah tamat pengusaha dikehendaki dalam tempoh sebulan dari tarikh tamatnya permit membawa keluar segala peralatan di tebing dan di kawasan rizab sungai atas tanggungan sendiri;
- 2.8. Pengusaha hendaklah bertanggungjawab atas sebarang masalah seperti aduan, bantahan, gantirugi, pampasan dan lain-lain yang timbul berhubung dengan kegiatannya di situ;
- 2.9. Pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor berhak memasuki kawasan tapak pada bila-bila masa bagi memantau kegiatan pengambilan pasir bagi memastikan syarat-syarat jabatan dipatuhi;
- 2.10. Pengusaha diarahkan mengambil gambar-gambar sebelum dan selepas kegiatan mengorek dan memindahkan pasir serta gambar bulanan semasa operasi dijalankan;
- 2.11. Pentadbir Tanah Daerah berhak menarik balik atau menggantungkan permit tersebut pada bila-bila masa sahaja sekiranya pengusaha gagal mematuhi satu atau mana-mana syarat yang telah ditetapkan atau syarat-syarat tambahan yang dikenakan dari masa ke semasa.

### **3. SYARAT-SYARAT TEKNIKAL**

- 3.1. Pengambilan pasir adalah tertakluk kepada penggunaan kaedah / jentera
  - (i) Kaedah pam dan pontun
  - (ii) Kaedah jengkaut
  - (iii) Kaedah kapal korek
  - (iv) Cara manual
- 3.2. Pengusaha hendaklah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor segala kerosakan tebing sungai akibat pengambilan pasir dan hendaklah membaikinya atas tanggungan sendiri;

- 3.3. Pengusaha adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa pencemaran seperti tumpahan minyak kepada sungai akibat pengambilan pasir dan hendaklah mengambil tindakan yang perlu bagi mengatasinya;
- 3.4. Apabila mengeluarkan pasir daripada kawasan longgokan, pengusaha tidak dibenarkan menggali dan membuat lubang di sekitar kawasan di bawah paras air bumi biasa;
- 3.5. Pengusaha tidak dibenarkan melencung, menyekat dan / atau mengganggu pengaliran sungai di dalam atau di luar kawasan yang telah dikeluarkan permit;
- 3.6. Sekiranya kaedah pam dan kapal korek digunakan untuk mengambil pasir di sesuatu sungai yang digunakan oleh pengangkutan air, pengusaha dikehendaki memastikan tali pengukuh (anchor wire) dan paip mengalur pasir ke 'stockpile' tidak menjadi penghalang kepada laluan pengangkutan air;
- 3.7. Pembinaan sebaran struktur merintang di sungai untuk tujuan mengumpulkan pasir adalah dilarang sama sekali;
- 3.8. Pengambilan pasir hanya dibenarkan di **sepertiga bahagian tengah sungai** sahaja;
- 3.9. Pengusaha adalah diingatkan mesin-mesin seperti jengkaut dan sebagainya tidak dibenarkan sama sekali berada di dalam saluran sungai;
- 3.10. Pengusaha hendaklah sentiasa memastikan aktiviti pengambilan pasir tidak mendatangkan bahaya kepada harta awam seperti struktur hidraulik, jambatan, jeti bangunan dan sebagainya;
- 3.11. Semua pokok dan tumbuhan di tebing sungai hanya boleh ditebang atau dibersihkan dengan memperolehi kebenaran Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor terlebih dahulu;
- 3.12. Untuk pengambilan pasir menggunakan jengkaut 'stockpile' pasir 'sementara' dibenarkan berada 10 meter daripada tebing. Walau bagaimanapun struktur mencuci bagi kaedah ini masih ditetapkan sekurang-kurangnya 20 meter dari tebing sungai;

- 3.13. Pengusaha perlu memastikan kedudukan 'stockpile' pasir hendaklah berada sekurang-kurangnya 20 meter dari tebing sungai dan juga dikehendaki menyediakan sistem kawalan air yang sempurna untuk mengawal aliran air dari 'stockpile' atau semasa mencuci pasir;
- 3.14. Apa jua binaan struktur tidak dibenarkan sama sekali di dalam rizab sungai. Binaan struktur jenis sementara pula seperti 'hopper' pejabat tapak dan sebagainya perlu memperolehi kebenaran daripada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor terlebih dahulu dan hendaklah didirikan sekurang-kurangnya 20 meter dari tebing sungai;
- 3.15. Pasir tidak boleh diambil dalam lingkungan 500 meter dari mana-mana struktur hidraulik yang penting seperti rumah pam, 'Water Intakes' dan sebagainya dan dalam lingkungan 200 meter dari lain-lain struktur hidraulik yang kecil serta termasuk jambatan, bangunan dan sebagainya kecuali dengan kebenaran Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor;
- 3.16. Pasir tidak boleh diambil di mana hakisan terjadi atau dijangka berlaku umpamanya di luki tebing yang **cengkung** (convex bank);
- 3.17. Pengambilan pasir boleh dipertimbangkan untuk bahagian liku tebing yang cembung (convex bank) di mana pemendapan pasir telah berlaku. Pengambilan pasir yang melebihi keratan asal sungai adalah tidak dibenarkan;
- 3.18. Pengusaha adalah dikehendaki menyediakan pelan sukat keratan lintang dan bujur semasa dan selepas operasi atau bila-bila masa yang dikehendaki oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Selangor. Kerja sukat tersebut hendaklah disediakan oleh Jurukur Berlesen dan berdasarkan kepada Aras Ordinance Datum Jabatan Ukur;
- 3.19. Lapisan pasir yang boleh dikeluarkan dari dasar sungai hendaklah bergantung kepada kelebaran sungai tersebut dan jumlah pasir yang boleh dikeluarkan hendaklah bergantung kepada kadar penambahan semula (Replenishment Rate) sungai berkenaan;

<b>KELEBIHAN SUNGAI DI ANTARA TEBING KANAN DAN KIRI</b>	<b>LAPISAN PENGAMBILAN PASIR YANG DIBENARKAN</b>
Kurang daripada 10 meter	Tidak dibenarkan
Di antara 10 hingga 20 meter	0.5 meter
Di antara 20 hingga 50 meter	1.0 meter
Lebih daripada 50 meter	1.5 meter

Jadual 1 – Lapisan pengambilan pasir berdasarkan kelebaran sungai

## **PERLOMBONGAN PASIR LAUT DAN PENGOREKAN**

### **MUARA SUNGAI**

1. Pengorekan muara sungai atau 'sandspit' untuk tujuan komersial tanpa kajian hidraulik yang komprehensif adalah dilarang. Supaya tidak berlaku hakisan pantai akibat daripada pembentukan 'sediment sinks'.
2. Perlombongan pasir tidak dibenarkan di kawasan yang terletak kurang dari 1.5 km (diukur dari 'mean low water line') atau 10 meter kedalaman air.
3. Aktiviti-aktiviti perlombongan / pengorekan pasir yang melibatkan kawasan seluas 50 hektar atau lebih adalah diliputi di bawah aktiviti 11 (c) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1987.

### **BIDANG KUASA**

1. Semua tanah termasuk 'foreshore' sehingga 3 batu nautika ke laut diukur dari 'Low Water Mark' adalah di bawah Kuasa Kerajaan Negeri.
2. Manakala dasar laut dari 3 batu nautika sehingga sempadan pentas benua adalah terletak di bawah Kuasa Kerajaan Negeri.